

**PERSEPSI MASYARAKAT MELAYU ISLAM  
PATANI TERHADAP GERAKAN PEMBEBASAN  
PATANI: SATU KAJIAN KES DI DAERAH  
BACHO, NARATHIWAT**

**AZMAN BIN ZAHAREIMAN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2017**

**PERSEPSI MASYARAKAT MELAYU ISLAM  
PATANI TERHADAP GERAKAN PEMBEBASAN  
PATANI: SATU KAJIAN KES DI DAERAH  
BACHO, NARATHIWAT**

**oleh**

**AZMAN BIN ZAHAREIMAN**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan (Sains Politik)**

**Oktober 2017**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke atas hadrat Ilahi kerana dengan izinNya dapat saya menyiapkan tesis ini. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W) dan para sahabat baginda kerana membawa petunjuk dan iman kepada sekalian umat Islam.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya, Zahareiman bin Ismail dan Siah Malee@Asiah bt Abdullah dan kedua ibu bapa mentua saya Hasan Baseri Budiman dan Fatimah Ahmad di atas segala kesabaran dan kepercayaan mereka kepada saya. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada isteri tercinta dan anak tersayang Dang Fatimah binti Hasan Baseri dan Faheem Anaqi yang menjadi sumber kekuatan dan inspirasi kepada saya. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada ahli keluarga dan saudara-mara yang banyak mengambil berat mengenai saya.

Saya mengucapkan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia saya atau “Baba” saya iaitu Prof. Dr Kamarulzaman Askandar dan keluarganya kerana memberi bimbingan dan tunjuk ajar tentang ilmu akademik dan ilmu kehidupan. Selain itu, ucapan penghargaan ditujukan kepada seluruh “keluarga” Unit Penyelidikan dan Pendidikan Untuk Perdamaian, (REPUSM) iaitu Puan Norazrina Md Jabarullah, Dr. Ayesah Abu Bakar, Dr Mohd Aziz Yaacob, Aizat Khairi, Mior Khairul Azrin, Phaison Daoh, Khosale Awe, Oshanta, Dewi Karina dan rakan-rakan saya di atas sokongan dan bantuan yang diberikan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh responden dari Patani terutamanya di daerah kajian iaitu daerah Bacho, Narathiwat. Terima kasih juga kepada insan yang telah banyak membantu saya semasa saya menjalankan tugas di lapangan yang berisiko dengan keganasan. Semoga Allah dapat membalas jasa baik kalian semua. Diharapkan tesis ini dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dan menjadi ladang pahala kepada semua yang terlibat.

## SUSUNAN KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>SUSUNAN KANDUNGAN</b>	iii
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
<b>ABSTRAK</b>	xv
<b>ABSTRACT</b>	xvii
<b>BAB SATU: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	4
1.2.1 Sejarah Patani secara umum	4
1.2.2 Komposisi Penduduk	11
1.2.2(a) Geografi dan Penduduk	11
1.2.2(b) Politik	12
1.2.2(c) Ekonomi	16
1.3 Sorotan Karya	17
1.4 Pernyataan Masalah	24
1.5 Persoalan Kajian	25
1.6 Objektif Kajian	26
1.7 Metodologi Kajian	26
1.7.1 Reka Bentuk Kajian	26

1.7.1(a) Pendekatan Kualitatif	26
1.7.1(b) Kaedah Pengumpulan Data	27
1.7.1(c) Persampelan	28
1.7.2 Pengumpulan Data Primer dan Sekunder	29
1.7.3 Penganalisaan Data	30
1.8 Skop dan Batasan Kajian	30
1.9 Huraian dalam Semua Bab	31
<b>BAB DUA: TEORI KONFLIK, KONSEP MASYARAKAT, SEGI TIGA KONFLIK, PERSEPSI DAN TEORI PILIHAN RASIONAL</b>	
2.1 Pengenalan	33
2.2 Konflik	34
2.2.1 Definisi Konflik	34
2.2.2 Tahap Konflik	35
2.2.3 Penjenisan Konflik	36
2.3 Segi Tiga Konflik	39
2.3.1 Definisi Segi Tiga Konflik	39
2.3.2 Hubungkait Sikap, Tingkah laku dan Situasi	42
2.3.3 Sikap Dalam Konflik	44
2.4 Konsep Masyarakat	45
2.4.1 Definisi Masyarakat	45
2.4.2 Konsep Masyarakat dalam Sistem Nilai dan Persepsi	46
2.4.3 Bentuk Hubungan Dalam Masyarakat	48
2.4.4 Institusi Dalam Masyarakat	49
2.5 Persepsi	52

2.5.1 Definisi Persepsi	52
2.5.2 Proses Terjadinya Persepsi	56
2.5.2(a) Memilih	58
2.5.2(b) Organisasi	59
2.5.2(c) Tafsiran	60
2.5.3 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Persepsi	61
2.5.4 Unsur-Unsur Budaya yang Mempengaruhi Persepsi	63
2.6 Teori Pilihan Rasional	64
2.6.1 Definisi Teori Pilihan Rasional	64
2.6.2 Pilihan Rasional: Aktor dan Sumber Daya	66
2.6.3 Terbentuknya Modal Sosial Pasca Pilihan Rasional	66
2.7 Pembinaan Kerangka konseptual Pembentukan Persepsi dalam Masyarakat MIP	69
2.8 Rumusan	71
<b>BAB 3: SEJARAH PATANI DARUSSALAM DAN LATAR BELAKANG GERAKAN PEMBEBASAN PATANI (GPP)</b>	
3.1 Pengenalan	72
3.2 Sejarah Awal Patani	73
3.2.1 Zaman Pembangunan Patani	74
3.2.2 Zaman Keemasan Patani di Bawah Raja Perempuan	77
3.2.3 Zaman Kejatuhan Patani	83
3.3 Kebangkitan Anti-Siam dan Nasionalisme Melayu Islam Patani	86
3.4 Patani Selepas Perang Dunia Kedua	90
3.5 Penubuhan Gerakan Pembebasan Patani (GPP)	96
3.5.1 Gabungan Melayu Islam Patani Raya (GEMPAR)	97

3.5.2 Barisan Nasional Pembebasan Patani (BNPP)	99
3.5.3 Barisan Revolusi Nasional Patani (BRN)	103
3.5.4 Patani United Liberation Organization (PULO)	106
3.5.5 Barisan Bersatu Mujahidin Patani (BBMP)	111
3.5.6 Barisan Bersatu Kemerdekaan Patani (BERSATU)	114
3.5.7 Gerakan-gerakan lain	115
3.6 Kesimpulan	116
<b>BAB EMPAT: DAPATAN KAJIAN DI DAERAH BACHO</b>	
4.1 Pengenalan	117
4.2 Kawasan Kajian	118
4.2.1 Latar Belakang Daerah Bacho	118
4.2.2 Penduduk	119
4.2.3 Ekonomi	122
4.2.4 Pendidikan	124
4.2.5 Kejadian dan Peristiwa Koflik yang Berlaku di Daerah Bacho	126
4.3 Kawasan Kajian dan Kategori Responden Kajian	128
4.4 Strategi Soalan-Soalan yang Ditanya oleh Penyelidik Terhadap Responden di Daerah Bacho, Narathiwat	130
4.5 Soalan Tentang Persepsi	131
4.5.1 Persepsi Masyarakat Awam di Daerah Bacho Terhadap Gerakan Pembebasan Patani (GPP)	131
4.5.2 Persepsi Masyarakat Awam di Daerah Bacho Terhadap Pihak Berkuasa Thailand	137
4.5.3 Persepsi Pemimpin Tempatan terhadap GPP Dan Pihak Berkuasa Thailand	140
4.6 Soalan Untuk Melihat Tahap Sokongan Melayu Islam Patani (MIP)	146

4.6.1 Sokongan Masyarakat Melayu Islam Patani (MIP) Di Bacho Terhadap Gerakan Pembebasan Patani (GPP)	146
4.6.2 Sokongan di Kalangan Pemimpin Tempatan Di Bacho Terdapat Gerakan Pembebasan Patani (GPP)	147
4.6.3 Isu-Isu Yang Menyebabkan Masyarakat Melayu Islam Patani Menyokong Gerakan Pembebasan Patani	149
4.7 Pengaruh Gerakan Pembebasan Patani Terhadap Masyarakat Melayu Islam Patani di Bacho	152
4.8 Harapan Masyarakat Melayu Islam Patani di Bacho	154
4.9 Kesimpulan	158

## **BAB LIMA: ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

5.1 Pengenalan	160
5.2 Analisis Masyarakat Melayu Islam Patani	161
5.3 Analisis Segi Tiga Konflik Dalam Konflik Patani	166
5.4 Analisis Persepsi Masyarakat Melayu Islam Patani	169
5.4.1 Analisis Persepsi Dalam Masyarakat Melayu Islam Patani Terhadap Gerakan Pembebasan Patani	170
5.4.2 Analisis Persepsi Masyarakat Melayu Islam Patani Terhadap Pihak Berkuasa Thailand	172
5.4.3 Analisis Persepsi Pemimpin Tempatan Terhadap Gerakan Pembebasan Patani Dan Pihak Berkuasa Thailand	174
5.5 Analisis Teori Pilihan Rasional Dalam Konflik Patani	177
5.6 Analisis Isu-Isu yang Menyebabkan Masyarakat Melayu Islam Patani Menyokong Gerakan Pembebasan Patani	179
5.6.1 Analisis Keadilan dan Dasar Kerajaan Keatas Masyarakat Melayu Islam Patani	180
5.6.2 Analisis Isu Identiti Masyarakat Melayu Islam Patani	181
5.6.3 Analisis Ekonomi di Patani	183
5.6.4 Analisis Kegagalan Kerajaan Thailand Meyakinkan Masyarakat	184



Melayu Islam Patani	
5.6.5 Analisis Isu Migrasi Masyarakat Siam ke Patani	186
5.6.6 Analisis Isu Sosial dan Penyalahgunaan Dadah	187
5.7 Analisis Sokongan Masyarakat Melayu Islam Patani (MIP) Terhadap Gerakan Pembebasan Patani (GPP)	188
5.8 Analisis Pengaruh Gerakan Pembebasan Patani (GPP) Terhadap Masyarakat Melayu Islam Patani (MIP)	191
5.9 Analisis Harapan Masyarakat Melayu Islam Patani (MIP) Terhadap Gerakan Pembebasan Patani (GPP)	192
5.10 Rumusan	195
<b>BAB ENAM: KESIMPULAN</b>	
6.1 Pengenalan	196
6.2 Pencapaian Objektif Penyelidikan	197
6.3 Persepsi Masyarakat MIP Terhadap GPP	197
6.4 Sokongan Masyarakat MIP Terhadap GPP	198
6.5 Pengaruh GPP Terhadap Masyarakat MIP	201
6.6 Harapan Masyarakat MIP Terhadap GPP	202
6.7 Kesan Konflik	203
6.8 Pelaksanaan dan Penerusan Penyelidik Bagi Masa Hadapan	206
<b>SENARAI RUJUKAN</b>	<b>209</b>

## SENARAI JADUAL

		<b>Muka Surat</b>
Jadual 4.1	Nama Setiap Mukim yang Terdapat di Daerah Bacho, Narathiwat	120
Jadual 4.2	Mukim Gajah Mati (Kayo Mati)	120
Jadual 4.3	Mukim Pecoh (Bacho)	121
Jadual 4.4	Mukim Lubuk Sawa (Lubo Sawo)	121
Jadual 4.5	Mukim Beris Hilir (Bare Nuea)	121
Jadual 4.6	Mukim Beris Hulu (Bare Tai)	122
Jadual 4.7	Mukim Belukar Semok (Paluka Samo)	122
Jadual 4.8	Senarai Kawasan Kajian, Kategori Responden dan Bilangan Responden yang di Temu Bual	129
Jadual 4.9	Soalan Satu- Soalan yang Ditanya kepada Responden Masyarakat Awam Tentang Persepsi Mereka terhadap GPP	131
Jadual 4.10	Soalan Dua- Soalan yang Ditanya Kepada Responden masyarakat Awam Tentang Persepsi Mereka terhadap GPP	132
Jadual 4.11	Soalan Tiga- Soalan yang Ditanya Kepada Responden masyarakat Awam Tentang Persepsi Mereka terhadap GPP	134
Jadual 4.12	Soalan Empat- Soalan yang Ditanya kepada Responden Masyarakat Awam Tentang Persepsi Mereka Terdapat GPP	135
Jadual 4.13	Soalan Lima - Soalan yang Ditanya Kepada Responden masyarakat Awam Tentang Persepsi Mereka terhadap GPP	135
Jadual 4.14	Soalan Enam - Soalan yang Ditanya Kepada Responden masyarakat Awam Tentang Persepsi Mereka terhadap GPP	137
Jadual 4.15	Soalan Satu - Soalan yang Ditanya kepada Responden Masyarakat Awam Tentang Persepsi Mereka Terhadap Pihak Berkuasa Thailand.	137

Jadual 4.16	Soalan Dua- Soalan yang Ditanya kepada Responden Masyarakat Awam Tentang Persepsi Mereka Terhadap Pihak Berkuasa Thailand.	139
Jadual 4.17	Soalan Satu- Soalan yang Ditanya kepada Responden Tentang Persepsi Pemimpin Tempatan Terhadap GPP dan Pihak Berkuasa Thailand.	141
Jadual 4.18	Soalan Dua- Soalan yang Ditanya kepada Responden Tentang Persepsi Pemimpin Tempatan Terhadap GPP dan Pihak Berkuasa Thailand.	141
Jadual 4.19	Soalan Tiga- Soalan yang Ditanya kepada Responden Tentang Persepsi Pemimpin Tempatan Terhadap GPP dan Pihak Berkuasa Thailand.	142
Jadual 4.20	Soalan Empat- Soalan yang Ditanya kepada Responden Tentang Persepsi Pemimpin Tempatan Terhadap GPP dan Pihak Berkuasa Thailand.	144
Jadual 4.21	Soalan Lima- Soalan yang Ditanya kepada Responden Tentang Persepsi Pemimpin Tempatan Terhadap GPP dan Pihak Berkuasa Thailand.	145
Jadual 4.22	Jumlah Responden Dalam Soal Selidik di Mukim Beris Hilir.	147
Jadual 4.23	Soalan Satu- Melihat Sokongan Pemimpin Tempatan di Bacho Terhadap GPP	148
Jadual 4.24	Isu-Isu yang Menyebabkan Masyarakat MIP Menyokong GPP	150
Jadual 4.25	Soalan Satu- Pengaruh GPP Terhadap Masyarakat MIP	152
Jadual 4.26	Soalan Dua- Pengaruh GPP Terhadap Masyarakat MIP	153
Jadual 4.27	Soalan Satu- Harapan MIP di Bacho	155
Jadual 4.28	Soalan Dua- Harapan MIP di Bacho	156
Jadual 4.29	Soalan Tiga- Harapan MIP di Bacho	157

## SENARAI RAJAH

		<b>Muka Surat</b>
Rajah 2.1	Segitiga Konflik	40
Rajah 2.2	Proses Persepsi	57
Rajah 2.3	Kerangka Konseptual	68
Rajah 5.1	Carta Pai Tentang Sokongan Masyarakat MIP Terhadap GPP di Kawasan Kajian	189
Rajah 5.2	Carta Pai Sokongan Masyarakat MIP Terhadap Rundingan Perdamaian	193

## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran 1	Resolusi Pemukiman Kumpulan Pejuang Patani
Lampiran 2	Peta Kawasan Kajian Satu
Lampiran 3	Peta Kawasan Kajian Dua
Lampiran 4	Soal Selidik Bahagian Satu
Lampiran 5	Soal Selidik Bahagian Dua

## SENARAI SINGKATAN

ABREP	Angkatan Bersenjata Revolusi Patani
APHE	Bermaksud “Daerah” Dalam Bahasa Melayu
BBMP	Barisan Bersatu Mujahidin Patani
BERSATU	<i>United Front For The Independence of Pattani</i>
BIPP	Barisan Islam Pembebasan Patani
BNPP	Barisan Revolusi Nasional Pembebasan Parani
BRN	Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani
CPM-43	<i>43rd Civil-Police-Military Joint Head</i>
DEWAN	Dewan Pembebasan Patani
DPP	Dewan Pimpinan Pusat
DSPP	Dewan Syura Pimpinan PULO
GAMPAR	Gabungan Melayu Patani Raya
GMIP	Gerakan Mujahidin Islamiya Patani
GPP	Gerakan Pembebasan Patani
GURBAN	Briged Gerila Bandar
JI	Jemaah Islamiah
KOGAP	BRN Kongres
MAGERAD	Majlis Gerakan Revolusi Dalam Negeri
MKP	Majlis Kepimpinan Pertubuhan
MIP	Melayu Islam Patani
MPTP	Majlis Pembebasan Tindakan Patani
NAP	<i>New Aspiration Party</i>
NGO	<i>Non-government Organization</i>
OIC	<i>Organization of Islamic Cooperation</i>

PAS	Parti Islam SeMalaysia
PARANAS	Parti Revolusi Rakyat Selatan Thai
PATRIOT	Pertubuhan Islam Republik Patani
PARTIP	Parti Islam Patani
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PKRPP	Pasukan Komando Revolusi Rakyat Patani
PLO	<i>Palestine Liberation Organization</i>
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PSM	Parti Sosialis Malaysia
PRU	Pilihan Raya Umum
PULO	<i>Patani United Liberation Organization</i>
REPUSM	<i>Research and Education for Peace</i>
RKK	Runda Kumpulan Kecil
RM	Ringgit Malaysia
SBPAC	<i>Southern Border Provinces Adiminsitrative Centre</i>
TRT	<i>Thai Rak Thai</i> atau <i>Thais Love Thais</i>
UBANGTAPEKMA	Agama, Bangsa, Tanah Air, dan Perikemanusiaan
USSR	<i>Union of Soviet Socialist Republics</i>

**PERSEPSI MASYARAKAT MELAYU ISLAM PATANI TERHADAP  
GERAKAN PERBEBASAN PATANI: SATU KAJIAN KES DI DAERAH  
BACHO, NARATHIWAT**

**ABSTRAK**

Konflik Patani merupakan konflik yang melibatkan masyarakat Melayu Islam Patani (MIP) dengan kerajaan Thailand. Isu utama dalam konflik Patani adalah tentang kemerdekaan dan identiti. Konflik Patani yang bermula kembali pada tahun 2004 telah melahirkan reaksi yang pelbagai di kalangan masyarakat MIP sehingga membentuk persepsi di kalangan masyarakat MIP terhadap Gerakan Pembebasan Patani (GPP) dan mempengaruhi tahap sokongan, pengaruh dan harapan masyarakat MIP terhadap GPP. Oleh itu, kajian ini ditumpukan untuk melihat persepsi masyarakat MIP terhadap GPP. Selain itu, kajian ini turut melihat tahap sokongan, pengaruh dan harapan masyarakat MIP terhadap GPP. Secara umumnya, kajian ini dijalankan untuk memahami persepsi masyarakat MIP terhadap GPP dan mengenal pasti tahap sokongan, pengaruh dan harapan masyarakat MIP terhadap GPP. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi dua data utama iaitu data primer dan data sekunder. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan tiga kaedah kualitatif iaitu melalui soal selidik, pemerhatian dan temu bual untuk mendapatkan data primer. Kaedah soal selidik dilakukan melalui pengagihan borang soal selidik kepada responden. Kaedah pemerhatian pula dilakukan melalui dua cara iaitu melalui pemerhatian berstruktur dan pemerhatian tidak berstruktur. Manakala dalam kaedah temu bual, penyelidik menjalankan temu bual secara mendalam untuk mendapatkan maklumat responden. Data sekunder diperolehi melalui kajian perpustakaan. Data-data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan analisis kandungan menerusi kerangka konseptual. Hasil daripada



penyelidikan ini didapati bahawa persepsi masyarakat MIP terhadap GPP masih lagi persepsi yang positif disebabkan oleh faktor sejarah dan pengalaman masa lalu yang dihadapi oleh masyarakat MIP. Persepsi masyarakat MIP terhadap pihak berkuasa Thailand adalah bersifat negatif disebabkan isu-isu keganasan dan kekejaman pihak berkuasa Thailand terhadap masyarakat MIP Hasil daripada soal selidik, didapati bahawa masyarakat MIP masih lagi menyokong GPP. Terdapat beberapa isu yang menyebabkan masyarakat MIP menyokong GPP. Antaranya adalah isu identiti masyarakat MIP, isu keadilan dan dasar kerajaan keatas masyarakat MIP, isu ekonomi, kegagalan kerajaan menyakinkan masyarakat MIP, isu migrasi masyarakat Siam ke Patani, dan juga isu sosial dan penyalahgunaan dadah. Dari segi pengaruh GPP terhadap masyarakat MIP, penyelidik mendapati bahawa GPP masih berpengaruh terhadap masyarakat MIP. Malah masyarakat MIP masih mempunyai harapan yang tinggi terhadap GPP terutamanya dalam perubahan dari segi sistem politik di Patani.

**THE PERCEPTIONS OF THE MALAY MUSLIM OF PATANI ON THE  
PATANI LIBERATION MOVEMENT:  
A CASE STUDY OF BACHO DISTRICT, NARATHIWAT**

**ABSTRACT**

The Patani Conflict is a conflict between the Malay Muslims of Patani and the Thai Government. Independence and identity are identified as the key issues in this conflict. The conflict had been dormant for some years but has increased in intensity since 2004. This give rise to questions about the perception of the Patani people on the Patani Liberation Movement and the level of support, influence and hope for the movement. This study then focuses on the perception of the Malay Muslims of Patani initiatives of the Patani Liberation Movement and the level of support, influence, and hope for these initiatives. The study uses the qualitative approach in getting and analyzing primary and secondary data. For the primary data, three types of instruments have been used including questionnaire, survey and interview. Questionnaires were distributed to the respondents to gain their responses. The survey was divided into two parts – structured and unstructured. In-depth interviews were also carried out to collect information from the respondents. At the same time, secondary data was collected through a library search. The collected data was analyzed by looking at the content using the theoretical framework as guide. The result shows that the perception of the Malay Muslims of Patani on the Patani Liberation Movement is still positive due to historical and past experience factors. At the same time, the perception of the Malay Muslims of Patani on the Thai authorities is negative due to violent activities and persecutions done by the Thai government. The result of the questionnaire shows that the Malay Muslims of Patani still give their support to the Patani Liberation Movement

due to several factors such as identity, justice, unfair government policy, the economy, the failure of the government to receive the trust from the Malay Muslims of Patani, the Thai Buddhist migration into Patani, social issues, and drugs problems. The Patani Liberation Movement is seen as a hope for the Malay Muslims of Patani to bring about socio-economic and political changes in the Patani region.

## BAB 1 - PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Konflik Patani<sup>1</sup> merupakan salah satu konflik bersenjata yang paling lama di rantau Asia Tenggara. Konflik ini melibatkan masyarakat Melayu Islam Patani (MIP)<sup>2</sup> dengan kerajaan Thailand. Isu utama dalam konflik ini adalah tentang kemerdekaan dan identiti.<sup>3</sup> Konflik Patani merupakan salah satu konflik yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa mengikut peredaran zaman. Pada tahun 2004, konflik di Patani muncul kembali setelah hampir satu dekad konflik tersebut berjaya dikawal oleh kerajaan Thailand. Konflik tahun 2004 telah memberi cabaran baru kepada kerajaan Thailand dalam usaha untuk mengekalkan keamanan di Patani. Hal ini kerana, Gerakan Pembebasan Patani (GPP) salah sebuah organisasi yang bekerja keras

---

<sup>1</sup> Disebabkan faktor sejarah negeri Patani, kami di REPUSM telah menggunakan istilah Konflik Patani bagi menggantikan Konflik Selatan Thailand yang sering digunakan oleh penulis sebelum ini dan media massa. Penggunaan istilah konflik Patani mula diguna pakai oleh REPUSM sejak tahun 2004. Selain penggunaan istilah yang lebih tepat, penggunaan nama Patani secara tidak langsung dapat promosikan nama Patani yang dilupakan terutamanya generasi muda. Penggunaan istilah "Patani" bagi merujuk kawasan bergolok di kawasan paling selatan Thailand juga digalakan oleh Prof Dr Kamarulzam Askandar seperti yang diperkataan dalam siaran bual bicara "Bicara Patani" di TV Al-Hijrah pada 4 Mac 2013. [Online], [Akses 9 Julai 2014]. Boleh diperolehi melalui laman layar: <https://www.youtube.com/watch?v=KQnb0uvJexs>

<sup>2</sup> Kerajaan Thailand selalu melabelkan masyarakat Melayu Islam Patani sebagai Thai Muslim yang bertujuan untuk menghapuskan identiti masyarakat tempatan. Merujuk temu bual dengan Pak Do Lie (bukan nama sebenar) Ahli Gerakan PULO pada 12/3/2014, di Pulau Pinang. Oleh itu, penyelidik menggunakan istilah Melayu Islam Patani (MIP) untuk menggambarkan masyarakat di Patani. Penyelidik turut menyarankan pengamal media dan penulis akademik untuk menggunakan istilah ini bagi merujuk masyarakat Islam yang tinggal di Patani.

<sup>3</sup> Beberapa orang tokoh yang menyatakan bahawa konflik Patani disebabkan oleh isu kemerdekaan dan identiti seperti Zamberi Abdul Malek, Nik Anuar Nik Mahmud, dan Ibrahim Syukri.

membebaskan diri dari pemerintahan Thailand, telah menggunakan strategi yang berlainan dan di luar jangkauan kerajaan pemerintah.

Dalam mengatasi masalah ini, kerajaan Thailand telah mengambil langkah ketenteraan sebagai usaha untuk menyelesaikan konflik di Patani. Hal ini dapat dilihat kepada cara Thaksin Shinawatra<sup>4</sup> bertindak semasa awal kemunculan konflik di Patani. Thaksin Shinawatra telah menggunakan cara kekerasan untuk melawan GPP yang akhirnya membawa kepada konflik yang lebih parah, walaupun ada usaha ke arah pendekatan aman, terutamanya pada zaman Surayud Chulanont<sup>5</sup> dan Abhisit Vejjajiva<sup>6</sup> namun ternyata usaha itu tetap tidak membuahkan hasil. Konflik Patani yang melibatkan Gerakan Pembebasan Patani (GPP)<sup>7</sup> dengan pasukan keselamatan Thailand telah menarik perhatian masyarakat luar apabila peristiwa serangan nekad dan berani dengan strategi yang belum pernah digunakan sebelum ini, telah berjaya dilakukan oleh GPP melalui strategi rompak senjata di Kem Tentera Thailand<sup>8</sup> yang akhirnya kembali meningkatkan intensiti konflik.

---

<sup>4</sup> Thaksin Shinawatra adalah Perdana Menteri Thailand dari tahun 2001 hingga 2006. Beliau disingkirkan melalui rampasan kuasa ketenteraan tanpa keganasan pada 19 September 2006 ketika beliau berada di luar negara. Thaksi Shinawatra merupakan seorang ketua parti Thai Rak Thai (TRT) sebelum pengharamannya dalam pilihanraya di Thailand. Beliau merupakan seorang usahawan telekomunikasi di Thailand dan antara orang terkaya di Thailand. [Online], [Akses 20 Julai 2013]. Boleh diperolehi melalui laman layar: <http://www.britannica.com/biography/Thaksin-Shinawatra>

<sup>5</sup> Surayud Chulanont adalah Perdana Menteri Thailand yang ke-24 bermula pada 2006-2008. Beliau dilantik sebagai Perdana Menteri Thailand selepas rampasan kuasa oleh tentera Thailand. Merupakan Panglima Tertinggi Angkatan Bersenjata Thailand. [Online], [Akses 20 Julai 2013]. Boleh diperolehi melalui laman layar: <http://news.bbc.co.uk/2/hi/asia-pacific/5392722.stm>

<sup>6</sup> Abhisit Vajjajiva merupakan Perdana Menteri Thailand dari 2008 sehingga 2011 selepas kekalahan parti pimpinan beliau kepada adik Thaksin Shinawatra iaitu Yingluck Shinawatra. Beliau merupakan Perdana Menteri dari parti Demokrat yang merupakan parti tertua di Thailand. [Online], [Akses 20 Julai 2013]. Boleh diperolehi melalui laman layar: <http://www.bbc.com/news/world-asia-pacific-13298394>

<sup>7</sup> GPP yang wujud di Patani pada hari ini adalah Barisan Nasional Pembebasan Patani (BNPP) dan kini dikenali sebagai Barisan Islam Pembebasan Patani (BIPP), Barisan Revolusi Nasional (BRN) yang berpecah kepada beberapa kumpulan seperti BRN-koordinat dan BRN-Kongres dan Patani United Liberation Organisation (PULO) yang turut berpecah kepada beberapa kumpulan. Merujuk temu bual dengan Pak Do Lie (bukan nama sebenar) Ahli Gerakan PULO pada 12/3/2014 di Pulau Pinang. Dalam Kajian ini, penyelidik menggunakan istilah Gerakan Pembebasan Patani (GPP) untuk merujuk kepada kumpulan bersenjata yang berbeza ideologi dengan pihak kerajaan pusat.

<sup>8</sup> Serangan ke atas Kem Tentera di Kg. Pileng, Dearah Pecah Airong, Narathiwat pada 4 Januari 2004 telah menyebabkan empat orang tentera Thailand terbunuh dan 366 laras senjata M16, 24 laras Gun, RPG (M79) sebanyak tujuh laras berjaya dilarikan dan 18 buah sekolah di Narathiwat dibakar dalam kejadian tersebut. [Online], [Akses 20 Julai 2013]. Boleh diperolehi melalui laman layar:

Patani merupakan salah sebuah negeri Melayu yang mempunyai ciri-ciri budaya, bahasa dan agama yang sama di bawah pemerintahan Kesultanan Melayu Patani sebelum dikuasai oleh Kerajaan Siam melalui siri peperangan dengan masyarakat MIP.<sup>9</sup> Konflik Patani pada hari ini merupakan konflik kemerdekaan dan identiti, yang merupakan warisan daripada konflik terdahulu.<sup>10</sup> Kebangkitan masyarakat MIP untuk bangun memberontak adalah bagi mendapatkan kembali kebebasan atau kemerdekaan daripada kerajaan Siam yang menguasai Patani pada hari ini. Dalam masa yang sama, kebangkitan kembali GPP dilihat sebagai satu masalah kepada kerajaan Thailand dalam usaha untuk mengekalkan penguasaan mereka di bumi Patani. Kajian ini secara amnya cuba melihat persepsi masyarakat MIP terhadap GPP. Hal ini kerana pergolakan yang berlaku di Patani mempunyai hubungan kait dengan masyarakat tempatan terutamanya orang MIP dan GPP yang dikatakan mewakili masyarakat MIP. Kemunculan konflik ini juga dilihat menarik untuk dikaji apabila GPP yang terlibat dalam perjuangan pembebasan ini tampil dengan corak pemikiran dan serangan yang berbeza. Strategi GPP dalam melawan pihak berkuasa Thailand, sangat berbeza jika dibandingkan dengan strategi peperangan yang diamalkan gerakan pemisah di kawasan-kawasan lain di Asia Tenggara. Selain daripada itu, konflik Patani yang hampir satu dekad terkubur, tiba-tiba dikejutkan dengan kebangkitan GPP yang tidak disangka-sangka. Kebangkitan kembali GPP pada tahun 2004 telah menarik minat ramai pengkaji untuk mengikuti perkembangan konflik Patani. Justeru penyelidikan ini dapat memberi sumbangan

---

[http://ww1.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=PR11&y=2004&dt=0128&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_06.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=PR11&y=2004&dt=0128&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_06.htm)

<sup>9</sup> Ibrahim Syukri, *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan. 1958 dan terbitan terbaru oleh Universiti Kebangsaan Malaysia. 2002.

<sup>10</sup> Konflik warisan merujuk kepada kesinambungan daripada konflik 1786. [Online], [Akses 20 Julai 2013]. Boleh diperolehi melalui laman layar:

[http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130214/re\\_02/Konflik-1786-di-selatan-Thailand-kian-parah](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130214/re_02/Konflik-1786-di-selatan-Thailand-kian-parah)

kepada masyarakat dalam menyalurkan maklumat dan ilmu tentang perkembangan konflik Patani.

## 1.2 Latar Belakang

### 1.2.1 Sejarah Patani secara umum

Bangsa Melayu Patani mempunyai sejarah perjuangan kemerdekaan yang cukup panjang. Sejarah ketamadunan yang berbeza dari segi budaya, adat resam, agama dan bangsa di antara bangsa Melayu dan Siam telah menyukarkan proses perpaduan dan perdamaian sehingga menjadikan konflik Patani berpanjangan.<sup>11</sup> Nik Anuar Nik Mahmud dalam kajiannya mengakui bahawa perbezaan ini menjadi salah satu faktor kepada konflik yang berpanjangan. Manakala faktor ekonomi dan sosial menjadi isu sampingan yang terhasil daripada sejarah penaklukan dan penjajahan kerajaan Siam<sup>12</sup> ke atas negeri Patani. Sejarah membuktikan bahawa Patani sebelum ini dikenali sebagai Fathoni<sup>13</sup> atau Patani Darussalam yang bermaksud negeri yang sejahtera<sup>14</sup> adalah sebuah negara yang merdeka, berdaulat dan mempunyai jati diri yang

---

<sup>11</sup> Konflik Patani meliputi lima wilayah yang berada di sempadan Malaysia-Thailand iaitu Pattani, Narathiwat, Yala, Songkhla dan Satun. Hanya wilayah ini sahaja yang berlaku konflik dan menjadi tuntutan Gerakan Pembebasan Patani. Istilah Konflik selatan Thailand yang banyak digunakan pada hari ini tidak tepat kerana selatan Thailand meliputi 11 wilayah yang termasuk dalam selatan Thailand. Manakala menurut Omar Chapakia bahawa Selatan Thailand merujuk kepada 14 wilayah yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian atas dan bahagian bawah. Selatan Thailand bahagian atas terdiri daripada wilayah Chumpon (Grahi), Surathani (Tambralinga), Nakorn Sri Thamarat (Legor), Pangga, Phuket, Krabi, Trang dan Pathalung. Manakala Selatan Thailand bawah pula terdiri daripada Songkhla (Senggora), Satun (Setul), Pattani, Yala (Jelor) dan Narathiwat (Menara) yang dikenali sebagai wilayah sempadan selatan (Changwad Chaidarn Pak Tai). Boleh dilihat dalam buku, Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Reaksi Masyarakat Islam di Selatan Thai, 1932-1994*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 1997. hlm. 1.

<sup>12</sup> Asal nama Thailand secara tradisional adalah Siam dan mula bertukar kepada Thailand pada tahun 1939 setelah berlaku revolusi 1932. Rampasan kuasa yang dilakukan oleh Plaek Pibulsonggram (Phibun) pada tahun 1932 telah mengubah sistem politik Thailand daripada sistem monarki mutlak kepada sistem demokrasi berperlimen dengan raja berperlembagaan di Thailand. Zaman ini juga dikenali sebagai zaman kebangkitan nasionalisme Thai. [Online], [Akses 20 Julai 2013]. Boleh diperolehi melalui laman layar: <http://countrystudies.us/thailand/20.htm>

<sup>13</sup> Fathoni atau Patani yang merupakan kerajaan Melayu yang merdeka sebelum dijajah oleh Siam. Kerajaan Melayu Patani meliputi Pattani, Narathiwat, Yala, dan sebahagian daripada Songkhla yang pada hari ini dipecah-pecah kepada empat wilayah tersebut. Manakala Satun merupakan sebahagian daripada kerajaan Kedah.

<sup>14</sup> Siti Hawa Haji Salleh, *Hikayat Patani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2001. hlm. 2

tersendiri sebelum dijajah oleh kerajaan Siam yang beragama Buddha pada tahun 1786 M<sup>15</sup> melalui siri peperangan yang panjang.<sup>16</sup>

Penjajahan Siam ke atas Patani telah menyebabkan berlakunya perubahan sistem pemerintahan dan persempadanan negeri. Dasar “pecah dan perintah” telah dilaksanakan oleh kerajaan Siam bertujuan untuk melemahkan penentangan masyarakat MIP. Melalui dasar ini, negeri Patani telah dibahagikan kepada tujuh negeri kecil<sup>17</sup> yang diketuai atau diperintah oleh raja-raja kecil yang dilantik oleh Kerajaan Siam yang berpusat di Bangkok. Tarikh ini menjadi catatan hitam dalam lipatan sejarah Patani. Sejak saat itu, bangsa MIP telah berjuang dengan gigih untuk mengembalikan semula kemerdekaan Patani yang telah dirampas oleh Thailand.<sup>18</sup> Dalam gerakan awal ini, penentangan ke atas Siam diketuai oleh kerabat raja-raja Melayu Patani dan pembesar istana yang telah kehilangan kuasa mereka. Penentangan ke atas Siam semakin kuat apabila Kementerian Dalam Negeri yang ditubuhkan pada 23 Disember 1894 dan diketuai oleh Putera Damrong Rajanubhadd yang merupakan Menteri pertamanya, melaksanakan dasar *Thesaphiban*<sup>19</sup> yang

---

<sup>15</sup> Pada tahun 1786 merupakan tarikh kejatuhan kerajaan Melayu Patani di tangan Siam. Pada zaman tersebut, kerajaan Melayu Patani diperintah oleh sultan yang terakhir yang bernama Sultan Muhamad. Manakala Kerajaan Siam dibawa pemerintahan Phraya Chakri yang telah mengarah puteranya yang bernama Putera Surasi dengan bantuan Phraya Senaphutan, Patatcaa dan Songkhla untuk menyerang Patani setelah Sultan Patani enggan membantu Siam dalam peperangan dengan Burma. Rujuk Ibrahim Syukri, (2002). *Op.Cit.*

<sup>16</sup> Pada peringkat awal kejatuhan negeri Patani, peperangan banyak dilakukan yang diketuai oleh raja-raja Melayu dan pembesar Melayu yang bertujuan untuk membebaskan diri dari penjajahan kerajaan Siam. Salah satu peperangan yang terkenal adalah pada tahun 1791 yang diketuai oleh Tengku Lamidin, bagaimanapun peperangan ini dapat dikalahkan dengan bantuan tentera Siam dari Bangkok. Pada 1832, satu lagi peperangan yang besar berlaku yang melibatkan orang MIP bersama tentera gabungan dari Kedah, Kelantan dan Terengganu. Peperangan ini berjaya menghalau Siam hingga Songkhla, bagaimanapun bantuan tentera Siam dari Bangkok telah berjaya mengalahkan tentera gabungan ini. Rujuk Ibrahim Syukri, (2002). *Op.Cit.*

<sup>17</sup> Negeri-negeri kecil terdiri daripada Patani, Nong Chik, Reman, Jalur, Legeh, Jering dan Jambu yang mempunyai sistem pemerintahan yang tersendiri. Rujuk Ibrahim Syukri, (2002). *Op.Cit.* hlm. 81.

<sup>18</sup> Harum Muhammad Ishak, *Studi Literatur Tentang Perkembangan Islam Di Patani (Selatan Thailand)*. Indonesia: Fakulti Ushuluddin Universiti Islam Bandung. 1983.

<sup>19</sup> Dasar '*Thesaphiban*' adalah usaha kerajaan Siam melaksanakan polisi pemusatan kuasa. Beberapa daerah disatukan kedalam 'monthon' yang diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi (Khaluang Thesaphiban) yang dilantik oleh Menteri Dalam Negeri. Rujuk Nik Anuar. N.M, *Sejarah Perjuangan Melayu Pattani 1785-1954*. [Online], [Akses 20 Julai 2013]. Boleh diperolehi melalui laman layar:



menjadi isu dan masalah terawal konflik di Patani. Penghapusan pemerintahan raja-raja Melayu Patani pada tahun 1902<sup>20</sup> melalui dasar *Thesaphiban* telah menyebabkan meletusnya kekacauan sehingga menyebabkan konflik yang berpanjangan di Patani. Konflik yang berlaku di Patani telah menarik perhatian British di Tanah Melayu untuk campur tangan. Keadaan ini seperti memberi harapan kepada orang MIP untuk bebas daripada pengaruh Siam. Walau bagaimanapun, keadaan sebaliknya berlaku apabila British mengesahkan kekuasaan kerajaan Siam ke atas Patani melalui perjanjian Bangkok atau '*Anglo-Siamese Treaty*' pada tahun 1909<sup>21</sup> yang membawa kepada pembahagian dan pengesahan ke atas tanah jajahan masing-masing.

Apabila berlaku perubahan sistem monarki kepada sistem demokrasi melalui rampasan kuasa yang dilakukan ke atas Rama 7<sup>22</sup> pada tahun 1932 oleh golongan pelajar dan tentera, masyarakat MIP mula merasakan sistem ini sebagai harapan untuk mendapatkan kebebasan dan peluang yang sama rata dalam sistem demokrasi yang berkonsepkan perkongsian kuasa dan hak-hak yang adil dalam sebuah negara. Namun harapan untuk melihat keadaan yang lebih baik berlaku ke atas masyarakat MIP tidak kesampaian apabila kerajaan Thailand sebaliknya membentuk semangat nasionalisme kesiaman atau Thai yang tinggi dalam pemerintahan. Hal ini telah menyebabkan masyarakat MIP dinafikan hak sebagai golongan minoriti dan dipaksa mengikuti proses asimilasi secara paksa. Pendekatan ini menyebabkan masyarakat

---

[http://Fanzalika.tripod.com/malay/patani/kepala\\_%20sejarah.html](http://Fanzalika.tripod.com/malay/patani/kepala_%20sejarah.html).

<sup>20</sup> Pada tahun 1902 kerajaan Siam melaksanakan dasar '*Thesaphiban*' yang menyebabkan sistem pemerintahan kesultanan Melayu telah dihapuskan. Nik Anuar. N.M., *Op.Cit*.

<sup>21</sup> Perjanjian Bangkok atau '*Anglo-Siamese treaty*' termeterai pada 10 Mac 1909 di Bangkok. British diwakili oleh Gebenor Negeri-Negeri Selat iaitu John Anderson manakala Siam diwakili oleh pembesar Siam di Betong iaitu Kluong Wan Hussain. Kesan perjanjian ini telah menyebabkan perubahan geografi sempadan diantara Siam dan Tanah Melayu. Sebelum ini negeri Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Patani berada dibawah pengaruh kerajaan Siam. Melalui perjanjian ini, kerajaan Siam tidak campur tangan dalam negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu dan negeri ini diserahkan kepada British manakala Patani diakui sebagai tanah jajahan Siam. Rujuk Nik Anuar. N.M., *Op.Cit*.

<sup>22</sup> Nama sebenar Prajadhipok, baginda dilahirkan pada 26 November 1925 dan mangkat pada tahun 1935. [*Online*], [Akses 20 Julai 2013]. Boleh diperolehi melalui laman layar: <http://www.britannica.com/biography/Prajadhipok>

MIP merasakannya sebagai ancaman kepada agama, bahasa, budaya dan identiti Melayu mereka.

Asimilasi paksaan yang dilakukan oleh Thailand melalui kurikulum sekolah yang berasaskan agama Buddha adalah bertujuan untuk menjadikan bangsa Melayu Patani sebagai bangsa Thai. Selain itu paksaan juga dilakukan melalui dasar *Rathaniyom* atau Adat Resam Siam<sup>23</sup> yang diperkenalkan semasa pemerintahan Field Marshal Plaek Phibunsongkhram pada 26 Disember 1938, yang jelas untuk menghapuskan budaya bangsa Melayu Patani. Melalui dasar ini, masyarakat MIP dilarang menggunakan bahasa Melayu dan berpakaian Melayu, malah pada tahun 1944 undang-undang Islam pula diganti dengan undang-undang sivil yang melibatkan nikah cerai dan harta pusaka.<sup>24</sup>

Keadaan ini telah menyebabkan lahirnya pelbagai reaksi dan persepsi masyarakat MIP sehingga memaksa mereka menolak dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan pemerintah. Keadaan ini telah mewujudkan suasana tidak aman di Patani sehingga menyebabkan terbentuknya sebuah persatuan yang dikenali sebagai *al-Hai'ah al-Tanfiziah li al-Ahkam al-Shar'iyah*<sup>25</sup> atau Lembaga Pelaksana Hukum Syariah pada tahun 1939 yang diketuai oleh seorang ulama terkenal Patani iaitu Haji Sulong bin Kamaruddin.<sup>26</sup> Pertubuhan ini telah menubuhkan Majlis Agama Islam di

---

<sup>23</sup> Melalui dasar ini, masyarakat MIP tidak dibenarkan menggunakan nama-nama Melayu-Arab, berbahasa Melayu, menulis dalam bahasa Melayu Jawi dan tidak dibenarkan mempelajari ajaran Islam. Rujuk Ibrahim Syukri, (2002). *Op.Cit.* hlm. 377.

<sup>24</sup> Pitsuwan S, *Islam di Muangthai Nasionalisme Melayu Masyarakat Patani*. Jakarta: LP3ES. 1989.

<sup>25</sup> Pertubuhan ini ditubuhkan bertujuan untuk meningkatkan kerjasama dalam kalangan ulama di Patani bagi menyekat ancaman kerajaan Thai yang cuba untuk mengsiamkan masyarakat MIP dan mencabul kesucian agama Islam. Rujuk Mohd. Zamberi Abdul Malek, *Tuan Guru Haji Sulong: Gugusan Cahaya Patani*. Anjung Media Resources. 2015.

<sup>26</sup> Haji Sulong atau nama sebenarnya adalah Haji Sulong bin Haji Abdul Kadir bin Muhammad bin Zainal Abidin bin Ahmad Al-Fatani. Merupakan seorang ulamak yang dihormati dikalangan masyarakat tempatan. Mempunyai sebuah Madrasah Al-Maarif Al-Wataniah di Patani. Haji Sulong Al-Fathoni adalah seorang ulamak yang sangat besar pengaruhnya bagi umat Islam Patani. Bahkan hampir semua orang Islam yang berasal daripada Patani mengenali beliau. Beliau turut diakui oleh masyarakat Patani sebagai "Bapa Perjuangan Patani" kerana membangkit "Revolusi Patani Merdeka" pada zaman moden. Rujuk Mohd. Zamberi Abdul Malek, (2015). *Op.Cit.*

setiap wilayah Patani walaupun menyalahi undang-undang kerajaan Thailand. Haji Sulong juga telah mengemukakan tujuh tuntutan kepada kerajaan Thailand bagi mewujudkan keamanan yang berpanjangan di Patani.<sup>27</sup> Tuntutan yang dikemukakan oleh Haji Sulong tidak dilayan oleh kerajaan Thailand. Oleh sebab itu, Haji Sulong telah mengadakan pertemuan dengan Tengku Mahmood Mohyideen<sup>28</sup> di Pantai Semut Api di Kota Bharu, Kelantan pada 12 Disember 1947 untuk memikirkan perancangan terbaik untuk Patani. Dalam perjumpaan itu, pendekatan perundingan diguna pakai untuk menyelesaikan permasalahan yang berlaku di Patani. Walau bagaimanapun, Haji Sulong telah ditahan pada 16 Januari 1948 atas tuduhan melakukan pemberontakan ke atas kerajaan Thailand sehingga beliau dijatuhkan hukuman penjara oleh kerajaan Thailand dan kemudian dibunuh. Pada 5 Mac 1948, Tengku Mahmood Mohyideen telah menubuhkan Gabungan Melayu Patani Raya atau GEMPAR<sup>29</sup> selepas penangkapan Haji Sulong. Penubuhan ini menjadi wakil orang MIP dalam usaha menarik perhatian masyarakat antarabangsa kepada pergolakan politik di Patani. Penubuhan ini telah menyebarkan propaganda mengenai

---

<sup>27</sup> Tujuh tuntutan itu dirumuskan sebagai berikut:

1. Pemerintah Thai hendaklah melantik pemerintah daerah (Pattani, Yala, Narathiwat dan Satun) mereka yang beragama Islam.
2. Hasil kemakmuran di empat wilayah ini hendaklah dibelanjakan untuk wilayah ini saja.
3. Pelajaran bahasa Melayu dibolehkan, diajar di sekolah dasar sehingga tingkat empat.
4. Pegawai negeri di empat wilayah ini 80 peratus diambil dari kalangan orang Islam tempatan.
5. Membolehkan bahasa Melayu digunakan di pejabat pemerintah disamping bahasa Thai.
6. Membolehkan Majlis Agama Islam menggunakan Undang -Undang sendiri (hukum syariat).
7. Pemerintah hendaklah menjauhkan Mahkamah Syariah daripada mahkamah pemerintah di empat wilayah ini.

<sup>28</sup> Merupakan anak kepada Tengku Abdul Kadir, Sultan Fathoni @ Patani terakhir, beliau dilahirkan pada tahun 1905 dan mendapat pendidikan di Kolej Assumption, Bangkok. Beliau juga terpaksa berpindah ke Kelantan pada tahun 1923 ekoran berlaku pemberontakan Belukar Semak. Di Tanah Melayu, beliau melanjutkan pelajarannya di Penang Free School sehingga tamat peperiksaan Sijil senior cambridge. Semasa Pemerintahan British, beliau memegang jawatan berpangkat Mejar dalam gerakan Force 136 menentang Jepun dan Siam di Tanah Melayu. Beliau meninggal dunia secara mengejut pada 12 Februari 1954. Rujuk Mohd Zamberi A. Malek, *Biografi Tengku Mahmood Mahyiddeen*. Bangi: UKM. 2009.

<sup>29</sup> Penubuhan GEMPAR ditubuhkan disebabkan tindakan spontan penangkapan Haji Sulong. Penubuhan GEMPAR merupakan cadangan daripada Parti Kebangsaan Melayu Malaya atau PKMM yang ditubuhkan di Madrasah Muhammadiyah, Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan dengan dihadiri lebih 200 orang Melayu Muslim Patani yang tinggal di Tanah Melayu dan masyarakat Kelantan.

Patani di seluruh Tanah Melayu dan antarabangsa dalam usaha untuk membebaskan diri dari Thailand.

Dalam gerakan kedua, GPP cuba untuk merdekakan lima wilayah di selatan Thailand yang terdiri daripada Pattani, Narathiwat, Yala, Songkla, dan Satun<sup>30</sup> yang penduduknya terdiri daripada majoriti berbangsa Melayu yang beragama Islam. Menjelang tahun 1960-an, banyak pertubuhan gerakan pemisah ditubuhkan dengan menjadikan senjata sebagai wadah perjuangan apabila mereka melihat perjuangan melalui rundingan tidak mendatangkan hasil seperti yang diharapkan. Antara gerakan yang lahir adalah Barisan Nasional Perjuangan Patani (BNPP), Barisan Revolusi Nasional Patani (BRN), Pattani United Liberation Organization (PULO), Barisan Bersatu Mujahidin Patani (BERSATU) dan beberapa gerakan yang lain. Pada tahun 80-an, PULO telah berjaya memperkenalkan perjuangan Patani di dunia Islam terutamanya di timur tengah dan berjaya mendapatkan pengiktirafan terhadap perjuangan Patani serta mendapat sokongan dan latihan<sup>31</sup> sehingga diberi laluan ke persidangan OIC.<sup>32</sup>

---

<sup>30</sup> *History* [Online], [Akses 31 Disember 2012]. Boleh diperolehi melalui laman layar: <http://puloinfo.net/Patani.asp?Show=History>, dan Mohd. Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, *Gerakan Pemisah Asia Tenggara: Satu Perbandingan Cabaran Di Pattani, Thailand dan Timor Timur, Indonesia*. Penerbit: UUM, 2002. hlm. 20.

<sup>31</sup> Temu bual dengan Sulaiman, Ahli PULO. Pada 18 Julai 2013, bertempat di Pasir Mas, Kelantan.

<sup>32</sup> Abu Yasir Fikri dari P4 PULO telah dijemput oleh OIC untuk berbicara tentang konflik di Patani. Beliau telah mempersembahkan sebuah penyelesaian untuk menamatkan keganasan antara kerajaan Thailand dan etnik Melayu Islam Patani yang tinggal di Patani. Masyarakat MIP secara sosioekonomi diabaikan oleh kerajaan Thailand, telah menyebabkan berlaku perjuangan melawan dasar asimilasi Thailand dan bagi pentadbiran sendiri semenjak ditawan oleh Thailand pada 1902. Abu Yasir Fikri mencadangkan jalan penyelesaian pada persidangan di Jeddah termasuklah mendapatkan hak-hak asasi yang sama seperti kumpulan lain apabila datang kepada hak-hak mendapatkan bahasa, agama dan budaya. Di dalam penyelesaian Abu Yasir Fikri juga mencadangkan bahawa Thailand membuang dasar diskriminasi terhadap orang Patani dan paling kurang membenarkan Patani hak untuk mentadbir negeri sendiri sama seperti daerah lain di Thailand, dengan alasan bahawa ini tidak bercanggah dengan perlembagaan Thailand kerana telah dilakukan di bahagian lain daripada Thailand dan ini hanyalah soal kemajuan politik. Beliau juga mengkritik kerajaan Thailand yang meningkatkan keganasan dengan menaja dan mencipta kumpulan bersenjata Buddha dan mempersoalkan niat mereka. Dia menambah bahawa dasar Thailand untuk tidak menyiasat rasuah, pembunuhan dan pencabulan hak asasi manusia yang dilakukan oleh Bangkok yang dipimpin pentadbiran dan anggota tentera terhadap penduduk MIP merupakan hambatan untuk mencapai keamanan dan penyembuhan luka-luka mendalam dilayan sebagai warga negara kelas ketiga. *Kerajaan Thai Meloby Negara OIC*

Pada tahun 70-an dan 80-an, Gerakan Pejuang Patani telah dilabelkan oleh kerajaan Thailand sebagai komunis Malaya<sup>33</sup> yang cuba menyebarkan ideologi komunis di Patani.<sup>34</sup> Hal ini menyebabkan masyarakat MIP menjauhkan diri dari GPP. Salah satu pecahan GPP yang dituduh sebagai mempunyai ideologi komunis adalah Barisan Revolusi Nasional (BRN).<sup>35</sup> Tuduhan Thailand yang melabelkan GPP sebagai agen Komunis telah menyebabkan GPP terutamanya BRN gagal untuk mendapatkan sokongan antarabangsa terutamanya dari negara barat. Namun, setelah tamatnya perang dingin dan ancaman komunis di Malaysia, keadaan politik mulai berubah sehingga akhirnya aktiviti GPP mula mendapat perhatian dunia, namun pada tahun 90-an pergerakan GPP dikatakan masih lagi dapat dikawal oleh kerajaan pusat apabila insiden-insiden yang dapat menarik perhatian dunia masih dapat diatasi oleh Thailand.

Pada 4 Januari 2004, satu peristiwa yang telah menjadi tanda bermulanya perjuangan kemerdekaan Patani dengan era yang baru apabila sebuah kem tentera yang terletak di Narathiwat telah diserang dan dirompak serta disusuli dengan 18 buah sekolah milik kerajaan telah dibakar oleh kumpulan yang tidak dikenali.<sup>36</sup> Peristiwa Tak Bai yang berlaku pada 24 Oktober 2004 pula telah membuka mata masyarakat dunia kepada isu di Patani apabila satu demonstrasi yang dilakukan di luar balai polis Tak Bai menyebabkan 85 orang mati lemas akibat tindakan ganas

---

[Online], [Akses 2 september 2017]. Boleh diperolehi melalui laman layar: <http://patanipost.net/2010/04/20/kerajaan-thai-meloby-negara-oic/>.

<sup>33</sup> Parti Komunis Malaya atau dikenali sebagai PKM yang diketuai oleh Chin Peng yang memberontak dengan kerajaan Malaya pada awal-awal kemerdekaan Malaysia. Pemberontakan PKM ini kurang mendapat sokongan masyarakat Malaysia terutamanya masyarakat Melayu yang menentang PKM sehingga memaksa PKM berundur sehingga sempadan Malaysia-Thailand, untuk meneruskan perjuangan PKM tersebut, PKM telah cuba mempengaruhi masyarakat Patani tetapi ditentang oleh Gerakan Pejuang Patani. Maklumat temu bual dengan Ustaz harun (bukan nama sebenar), bekas anggota BRN pada 4/2/ 2013, Bertempat di Pasir Mas Kelantan.

<sup>34</sup> Temu bual dengan Ismail Umar, Iman dan bekas Ahli Jawatankuasa Masjid Agama Islam Narathiwat. Pada 18 Julai 2013, bertempat di Pasir Mas, Kelantan.

<sup>35</sup> Harum Muhammad Ishak., *op. cit.*,

<sup>36</sup> *Conflict Thailand* [Online], [Akses pada 22 Ogos 2012]. Boleh diperolehi melalui Laman Layar; <http://www.insightonconflict.org/conflicts/thailand/conflict-profile/conflict-timeline/>

pihak berkuasa Thailand.<sup>37</sup> Hal ini telah mendedahkan keganasan dan penindasan kerajaan Thailand ke atas orang MIP. Namun perjuangan GPP masih berterusan demi mengembalikan kedaulatan bangsa yang telah jatuh ke tangan Thailand. Pada tahun 2004 sehingga kini insiden-insiden serangan pejuang Patani semakin menunjukkan kemajuan dengan tindakan diluar jangka dan mendatangkan kesan yang besar kepada pihak berkuasa Thailand. Serangan yang nekad dan berani bersama dengan strategi yang sistematik seperti serangan bom tepi jalan, serangan hendap dan serangan ke atas kemudahan kerajaan, menjadikan konflik Patani terus mendapat perhatian antarabangsa.

## **1.2.2 Komposisi Penduduk**

### **1.2.2(a) Geografi dan Penduduk**

Patani merupakan sebahagian daripada Negeri Melayu yang terdapat di Selatan Thailand. Patani terdiri daripada beberapa wilayah yang dipisahkan, seperti Pattani, Narathiwat, Yala dan Satun yang merupakan sebahagian daripada 17 wilayah atau Changwat yang terdapat di Selatan Thailand. Majoriti penduduk Patani terdiri daripada bangsa Melayu dan beragama Islam, manakala masyarakat berbangsa Siam dan Cina yang beragama Buddha adalah kelompok minoriti. Populasi kepadatan penduduk Patani hanyalah seramai 2.23 juta berbanding keseluruhan kepadatan penduduk Thailand sebanyak 64.76 juta orang<sup>38</sup> dengan mempunyai keluasan seluas 13,732 km persegi yang meliputi keempat-empat wilayah paling selatan. Masyarakat MIP menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa harian dan mengamalkan adat

---

<sup>37</sup>*Tahanan Tunjuk Perasaan Cerita Kezaliman Tentera Thailand.* [Online], [Akses 20 Julai 2013]. Boleh diperolehi melalui laman layar: [http://berjuang.netfirms.com/Dalam\\_22.htm](http://berjuang.netfirms.com/Dalam_22.htm). 2004.

<sup>38</sup>Weiss, L.M., *Subcommittee on Asia and the Pacific House International Relation Committee.* [Online], [Akses pada 2 Mac 2013]. Boleh diperolehi melalui Laman Layar: [http://www.house.gov/international\\_relations/108/wei071404.htm](http://www.house.gov/international_relations/108/wei071404.htm). 2004.

Melayu. Masyarakat MIP sebenarnya lebih dekat dengan Kelantan, Hulu Perak dan Kedah, Malaysia sehingga masyarakat MIP lebih selesa dengan Malaysia.<sup>39</sup>

### **1.2.2(b) Politik**

Dari segi politik, keadaan di Patani memang tidak pernah tenang akibat daripada pergolakan yang sentiasa berlaku di kawasan itu. Hal ini dapat dilihat sebelum 1902, apabila kegiatan politik masyarakat MIP dijadikan agenda utama untuk mengembalikan takhta kesultanan Melayu Patani yang telah dirampas oleh Siam. Pada masa tersebut politik Patani lebih tertumpu kepada golongan istana yang ingin mengembalikan sistem beraja di Patani. Gerakan politik golongan istana semakin berkurangan apabila kerajaan Siam menghapuskan sistem beraja dan digantikan dengan jawatan gabenor di wilayah majoriti MIP. Walaupun gerakan politik yang diketuai oleh golongan istana semakin berkurangan namun berlaku perubahan sikap politik masyarakat MIP apabila golongan agama mula memainkan peranan dalam politik di Patani. Reaksi ini berlaku apabila kerajaan Siam telah memperkenalkan beberapa dasar yang cuba untuk mencabuli kesucian agama Islam yang diamalkan di Patani. Tindakan kerajaan Siam menghapuskan undang-undang syariat dan digantikan dengan undang-undang sivil telah mendorong masyarakat MIP melakukan pemberontakan bersenjata ke atas kerajaan Siam. Menurut pihak pemerintah, golongan yang menjadi duri dalam daging ini terdiri daripada mereka yang mendapat pendidikan pondok dan pendidikan di timur tengah.<sup>40</sup>

---

<sup>39</sup> *About Patani*, [Online], [Akses 2 Ogos 2013]. Boleh diperolehi melalui Laman Layar: <http://puloinfo.net/patani.asp?Show=About>

<sup>40</sup> Abu Nuaim, *Perjuangan kemerdekaan patani*. [Online], [Akses pada 8 Januari 2013] Boleh diperolehi melalui Laman Layar [:http://www.ambranews.com/index.php?option=com\\_content&view=article&id=70:perjuangan-kemerdekaan-patani&catid=39:sejarah&Itemid=40](http://www.ambranews.com/index.php?option=com_content&view=article&id=70:perjuangan-kemerdekaan-patani&catid=39:sejarah&Itemid=40). 2010.

Tidak semua gerakan politik di Patani menggunakan pendekatan perjuangan bersenjata. Terdapat juga yang menggunakan pendekatan diplomasi dengan kerajaan Siam. Golongan ini terdiri daripada para cendekiawan yang mendapat pendidikan di dalam negeri ataupun luar negeri. Biasanya golongan ini bekerja dengan kerajaan Thailand sebagai strategi untuk menyerang dari dalam, walaupun mereka ini kurang dipercayai oleh kerajaan namun golongan ini diperlukan oleh kerajaan untuk berhubungan dengan masyarakat MIP. Biasanya golongan ini terbahagi kepada dua kelompok yang sangat sukar untuk dikesan iaitu golongan yang pro- Patani dan yang pro-Thailand. Bagi yang pro-kebebasan Patani, peluang yang diperolehi dalam kerajaan digunakan untuk melobi kepentingan masyarakat MIP agar terus terjaga selain cuba menyerap masuk anggota GPP ke dalam pentadbiran kerajaan untuk mendapatkan maklumat tentang kerajaan. Manakala bagi yang pro-Thailand pula, mereka ini lebih menjaga kepentingan masing-masing.<sup>41</sup>

Antara tokoh masyarakat MIP yang berjuang dalam demokrasi Thailand adalah Wan Muhamad Noor Matha, lahir pada 11 Mei 1944 di Yala, Thailand. Beliau terlibat dalam arena politik Thailand dari tahun 1979.<sup>42</sup> Pada tahun 1979 hingga 1984 beliau mewakili Yala untuk Parti Tindakan Sosial (*Social Action Party*) sehingga dipilih sebagai wakil rakyat di Parlimen Kebangsaan. Beliau telah beberapa kali bertukar parti. Antaranya adalah Parti Demokrat (*the Democratic Party*) yang merupakan parti politik tertua di Thailand dan kemudiannya ke Parti Harapan Baru (*New Hope party*). Parti Harapan Baru (*New Hope party*) telah membentuk gabungan dengan Parti Chavalit Yongchaiyudh (*Chavalit Yongchaiyudhs party*) dan bergabung

---

<sup>41</sup> *Economic Situation in Southern Thailand* 2007, [online], [Akses 2 Januari 2014]. Boleh Diperolehi Melalui Layar <http://asiancorrespondent.com/20195/economic-situation-in-southern-thailand/>

<sup>42</sup> Nakamura, Mitsuo, Sharon Siddique, dan Omar Farouk Bajunid, *Islam & Civil Society in Southeast Asia*. Institute of Southeast Asian Studies. 2001.



dengan Parti Thai Untuk Thai atau Parti Thai Rak Thai (TRT) yang diketuai oleh Thaksin Shinawatra.<sup>43</sup>

Diantara kejayaan beliau dalam arena politik Thailand adalah pernah bekerja di bawah kementerian kewangan dan industri, dilantik sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri pada tahun 1994 hingga 1995, menjadi Speaker Parlimen dari November 1996 hingga Jun 2000. Pada zaman Perdana Menteri Thaksin Shinawatra, beliau pernah menjadi Menteri Pengangkutan, Menteri Dalam Negeri, Menteri tanpa portfolio, Menteri Pertanian, dan menjadi utusan khas kerajaan Thailand bagi menguruskan usaha bantuan Thai berikutan gempa bumi di Pakistan. Selepas kejatuhan Perdana Menteri Thaksin Shinawatra akibat rampasan kuasa oleh tentera, beliau dilantik sebagai Pengarah Pusat Kawalan Dadah Kebangsaan.<sup>44</sup>

Sepanjang penglibatan beliau dalam politik Thailand, beliau pernah melobi untuk meminta peningkatan ekonomi wilayah-wilayah selatan dan pengenalan undang-undang Syariah di peringkat tempatan. Semasa berlaku konflik Patani, Ketua tentera Thailand iaitu Chaiyasit Shinawatra, iaitu sepupu Thaksin sendiri pernah menuduh Wan Muhamad Noor Matha tidak mengambil apa-apa tindakan bagi mengurangkan pemberontakan GPP di Patani.

Selain daripada itu, diantara tokoh lain yang terlibat dalam perjuangan berparlimen adalah Muk Sulaiman bekas MP Pattani, Sukarno Matha, Najmuddin Umar bekas MP Narathiwat, Aripheh Utarasint, Paisal Yingsamarn, Buranudin Useng, Sudin Puyuttanont. Mereka ini merupakan anggota kumpulan Wadah.

Kumpulan Wadah telah ditubuhkan pada tahun 1986 oleh Den Tohmeena melalui gabungan kumpulan politik seperti politik muslim, ilmuan muslim dan

---

<sup>43</sup> Christopher M. Joll, *Muslim Merit-making in Thailand's Far-South*. Springer Science & Business Media. 2012.

<sup>44</sup> Rajeswary Ampalavanar Brown, *Islam in Modern Thailand: Faith, Philanthropy and Politics*. Routledge. 2014.

kumpulan berkepentingan Islam. Kumpulan Wadah ini mewakili masyarakat Melayu Islam yang berada di bahagian paling selatan Thailand dalam memperjuangkan hak-hak masyarakat Melayu Islam melalui perjuangan demokrasi di peringkat nasional. Sepanjang penglibatan kumpulan Wadah dalam arena politik Thailand iaitu dari tahun 1986 hingga 2001, kumpulan ini berjaya menguasai lima hingga enam kerusi di bahagian paling selatan Thailand. Dalam pilihan raya 1986, kumpulan Wadah bergabung dengan Parti Demokrasi dalam membentuk kerajaan. Setelah menghadapi masalah dengan Parti Demokrasi, kumpulan Wadah berkerjasama dengan parti kecil yang dikenali sebagai Parti *Prachaichon* dan *New Aspiration Party* (NAP) yang diketuai oleh Chavalit Yongchaiyudh. Pada tahun 2002, *New Aspiration Party* digabungkan dalam parti *Thai Rak Thai*. Selepas peristiwa Tak Bai, kumpulan Wadah yang berada dalam kerajaan Thaksin mula kehilangan sokongan dalam kalangan masyarakat Melayu sehingga menyebabkan kekalahan calon kumpulan Wadah dalam pilihan raya umum 2005.<sup>45</sup>

Kekalahan kumpulan Wadah telah menyebabkan beberapa pemimpin kumpulan Wadah menubuhkan parti baru yang berasaskan kepada konsep Melayu dan Islam. Terdapat dua buah parti yang berpengaruh selepas kumpulan Wadah iaitu *Prachatham* yang diketuai oleh Muktar Kila dan *Matubhum* yang diketuai oleh Wattana Asavaheme.

Muktar Kila yang telah menubuhkan *Prachatham* merupakan bekas timbalan menteri industri pada zaman pemerintahan Thaksin. Menggunakan slogan 'Parti Kita' dan dasar-dasarnya yang disenaraikan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya adalah untuk mempertahankan identiti Melayu dengan maruah dalam masyarakat Thai. Memandangkan banyak ahli politik Wadah yang terkenal termasuk Najmudin Uma,

---

<sup>45</sup> Duncan McCargo, *Tearing Apart the Land: Islam and Legitimacy in Southern Thailand*. Cornell University Press; 1 edition. 2015.

Den Tomeena dan Ariphen Utrasin pada satu ketika yang lain telah disiasat kerana hasutan,. Kemunculan Muktar Kila dalam arena politik adalah pendirian yang berani untuk seorang yang tidak dikenali. Namun, *Pachacham* gagal mendapat sokongan yang meluas. Manakala *Matubhum* adalah parti Islam yang bersaing dalam pilihan raya yang terdiri daripada bekas ahli politik Wadah dan beberapa orang Muslim Melayu lain dari selatan Thailand yang bergabung dengan Wattana Asavaheme,<sup>46</sup> seorang ahli politik terkenal dan pernah menjadi Ahli Parlimen untuk Samut Prakan. Kedua-dua kumpulan ini yang berada dibawah pimpinan jeneral Sonthi telah mendapat tempat teratas dalam senarai parti. Dua orang dalam senarai parti ialah Man Patthanothai, yang berkhidmat sebagai timbalan menteri kewangan di bawah Abhisit selepas Matubhum menyertai gabungan parti Demokrat.<sup>47</sup>

### **1.2.2(c) Ekonomi**

Dari segi ekonomi, penduduk MIP masih lagi berada di bawah paras kemiskinan walaupun wilayah ini merupakan kawasan yang subur dan kaya dengan hasil bumi seperti gas dan minyak mentah. Hal ini dapat dilihat daripada kegiatan ekonomi utama penduduk MIP yang hanya terlibat dalam aktiviti penanaman padi, menoreh getah, dan nelayan bagi penduduk pinggir pantai, sebagai kegiatan ekonomi utama bagi kebanyakan mereka. Namun begitu, terdapat juga penduduk MIP yang terlibat dalam aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan. Walau bagaimanapun, majoriti masyarakat MIP berada di bawah tahap kemiskinan jika dibandingkan dengan

---

<sup>46</sup> Pada tahun 2008, Wattana dihukum 10 tahun penjara oleh Mahkamah Agung untuk kes rasuah yang berkaitan dengan hak milik tanah.

<sup>47</sup> *Democrat dominance in the deep south*, [Online], [Akses pada 2 Ogos 2017]. Boleh diperolehi melalui Laman Layar <http://www.newmandala.org/democrat-dominance-in-the-deep-south/>

penduduk di wilayah-wilayah lain<sup>48</sup> dengan purata pendapatan perkapita bagi wilayah Pattani RM 1928.5, wilayah Yala RM 1778.3, wilayah Satun RM 1451.4, Songkhla RM 1705.1 dan wilayah Narathiwat RM 1506.6<sup>49</sup> yang jelas menunjukkan bahawa wilayah-wilayah di selatan ini masih lagi berada di bawah paras kemiskinan. Di antara industri utama di Patani adalah industri perikanan yang mana terdapat banyak pelabuhan laut dalam untuk menampung bot-bot laut dalam. Industri perikanan di Patani turut memberi impak kepada industri kecil dan sederhana (IKS) di Patani seperti industri membuat budu, keropok dan ikan sardin.<sup>50</sup> Hal ini telah memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan. Selain daripada terlibat dalam perniagaan, terdapat juga masyarakat Patani yang bekerja dengan kerajaan Thailand seperti menjadi guru, pegawai kerajaan, dan pensyarah. Golongan ini mempunyai kehidupan yang lebih baik berbanding dengan masyarakat awam lain di Patani.

### 1.3 Sorotan Karya

Kajian dan penulisan tentang konflik Patani telah banyak dilakukan oleh para pengkaji sebelum ini, antaranya oleh Ibrahim Syukri (1990), Nik Anuar Nik Mahmud (2000), Wan Kadir Che Man (1990), Ahmad Fathy al-Fatani (1994), Ahmad Omar Chapakia (1997, 2002), Mohd Zamberi A. Malek (2006), Jay Lamey

---

<sup>48</sup> *Selatan Thailand perlu perhatian kerajaan baru*, [Online], [Akses pada 22 Ogos 2012]. Boleh diperolehi melalui Laman Layar; <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Selatan-Thailand-perlu-perhatian-kerajaan-baru/Article>. 2011.

<sup>49</sup> Ahmad Omar Chapakia., (2002). op. cit. hlm. 42-43. Dan pendapatan bulanan 20.7 peratus penduduk wilayah Patani adalah berada di bawah RM81.80 sebulan, 46 peratus penduduk wilayah Narathiwat berpendapatan di bawah RM80.80 sebulan manakala 37 peratus penduduk wilayah Yala pula berpendapatan di bawah RM84.50 sebulan. Kebanyakan penduduk tempatan masih lagi bergantung kepada sumber pertanian sebagai kegiatan utama. [Online], [Akses pada 22 Ogos 2012]. Boleh diperolehi melalui Laman Layar; [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130214/re\\_02/Konflik-1786-di-selatan-Thailand-kian-parah#ixzz3veqoGoya](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130214/re_02/Konflik-1786-di-selatan-Thailand-kian-parah#ixzz3veqoGoya)

<sup>50</sup> *Thailand Kembangkan Pusat Industri Halal di Pattani*, [Online], [Akses pada 21 Ogos 2017]. Boleh diperolehi melalui Laman Layar; <http://m.halhalal.com/thailand-kembangkan-pusat-industri-halal-di-pattani/>

(2013), Ahmad Amir Bin Abdullah (2013), Intiyaz Yusuf (2007), Lan Storey (2007), Joseph Liow (2006), dan Kamarulzaman Askandar (2005, 2008) yang telah menunjukkan minat mengkaji tentang pergolakan politik Patani ini. Tahap kajian pula banyak mengikut kronologi masa konflik yang berlaku. Konflik awal antara Patani dengan Siam banyak ditulis oleh pengkaji di dalam buku dan tesis sebagai rujukan sejarah, manakala kajian dan penulisan tentang konflik yang kembali tercetus pada tahun 2004 lebih banyak ditulis dalam bentuk jurnal dan artikel.

Penulisan tentang sejarah awal Patani telah ditulis oleh Ibrahim Syukri<sup>51</sup> di dalam bukunya *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* bermula dari sejarah awal, zaman keemasan, dan zaman kejatuhan Patani kepada Siam. Buku ini merupakan rujukan utama bagi masyarakat yang ingin mengenali sejarah Patani secara umum. Dalam buku ini, Ibrahim Syukri menyatakan bahawa kejatuhan Patani kepada kekuasaan Siam disebabkan oleh sikap pembesar-pembesar Melayu Patani yang berebut kuasa pemerintahan akibat daripada ketiadaan pewaris kerajaan yang sah untuk menduduki takhta kerajaan yang menjadi alat perpaduan MIP. Bagi beliau, faktor ini merupakan faktor utama kejatuhan kerajaan Patani. Nik Anuar Nik Mahmud<sup>52</sup> dalam bukunya yang bertajuk *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954* banyak membincangkan tentang sejarah perjuangan orang Melayu Patani dalam membebaskan Patani daripada penjajahan Siam. Ahmad Omar Chapakia pula di dalam dua buah bukunya *Politik Thai dan Reaksi Masyarakat Islam di Selatan Thai, 1932-1994*<sup>53</sup> dan *Perjuangan Masyarakat Islam Di Selatan Thailand, 1909-2002*<sup>54</sup> banyak melihat permasalahan ini dari sudut politik tentang sebab-sebab kenapa MIP

---

<sup>51</sup> Ibrahim Syukri, (2002). *Op.Cit.*,

<sup>52</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Op.Cit.*,

<sup>53</sup> Ahmad Omar Chapakia, (1997). *Op.Cit.*,

<sup>54</sup> Ahmad Omar Chapakia, (2002). *Op.Cit.*,

bangkit menentang penjajahan Siam ke atas Patani. Penulisan Wan Kadir Che Man<sup>55</sup> turut menghuraikan faktor-faktor yang menyebabkan konflik Patani. Apa yang jelas, beliau bersetuju bahawa faktor perbezaan agama, bangsa, dan budaya antara masyarakat Melayu Patani dengan masyarakat Siam yang menjadi majoriti di Thailand, akan menjadi lebih sukar sekiranya persepakatan di antara wakil-wakil masyarakat Patani dengan kerajaan Thailand tidak berkesudahan. Mohd Zamberi A. Malek dalam bukunya *Pensejarahan Patani*<sup>56</sup> telah melakukan satu kajian yang memperincikan tentang struktur hubungan perdagangan di antara Patani dengan pedagang-pedagang asing seperti China, Hindi, Khmer dan Eropah. Hubungan perdagangan ini menunjukkan kemajuan Patani sebagai sebuah negara yang bebas dan merdeka. Manakala dalam bukunya yang bertajuk *Patani Dalam Tamadun Melayu*,<sup>57</sup> beliau menjelaskan faktor-faktor dan kesan kedatangan Islam di Patani sekitar tahun 1457 Masihi. Kedatangan Islam telah menyebabkan berlakunya proses pengubahsuaian amalan budaya Hindu dan Buddha yang diamalkan dahulu kepada syariat Islam. Ahmad Fathy Al-Fatani<sup>58</sup> dalam *Pengantar Sejarah Patani* banyak membincangkan aspek kebudayaan Patani. Kewujudan tamadun Melayu di Patani pada peringkat awalnya dipengaruhi oleh ajaran agama Hindu dan Buddha. Keadaan ini sama seperti di negeri-negeri Melayu yang lain di Nusantara. Namun, keadaan budaya ini telah berubah setelah kemasukan agama Islam ke Patani melalui pintu pedagang-pedagang dari Pasai dan Timur Tengah. Manakala Human Hayimasae dalam kajiannya yang bertajuk *Haji Sulong Abdul Kadir (1895-1954): perjuangan*

---

<sup>55</sup> Wan Kadir Che Man, *Muslim separatism: The Moros of Southern Philippines and the Malays of southern Thailand*. New York: Oxford University Press. 1990.

<sup>56</sup> Mohd. Zamberi Abdul Malek, *Pensejarahan Patani*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 2006.

<sup>57</sup> Mohd. Zamberi Abdul Malek, *Patani Dalam Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1994.

<sup>58</sup> Ahmad Fathy Al-Fatani, *Pengantar Sejarah Patani*. Alor Setar. Kedah: Pustaka Darussalam. 1994.

*dan Sumbangan Beliau kepada Masyarakat Melayu Patani*<sup>59</sup> melihat peranan Haji Sulong dalam mewujudkan keamanan dan memartabatkan Islam dalam masyarakat Patani.

Kemunculan konflik terbaru di Patani selepas insiden 4 Januari 2004 telah menarik minat pelbagai pihak sama ada pihak kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs), ahli-ahli akademik, dan orang awam untuk melakukan kajian. Dalam proses mencari kedamaian, penyelesaian atau punca kepada konflik Patani, pelbagai kajian dan penulisan sama ada dalam bentuk akademik atau bukan akademik telah dilakukan. Penulisan bukan akademik seperti ini dapat dilihat dalam bentuk media terkini seperti blog, laman layar, media sosial dan lain-lain lagi. Manakala penulisan akademik pula seperti penulisan dalam bentuk tesis, jurnal, artikel, dan buku, namun usaha penulisan secara akademik dilihat masih lagi kurang dilakukan oleh penyelidik.

Antara artikel terkini, telah dihasilkan oleh Jay Lamey<sup>60</sup> yang cuba menjawab permasalahan dan mencari penyelesaian untuk konflik di Patani. Dalam artikel ini beliau menyarankan agar kerajaan Thailand memberi kuasa autonomi kepada Patani bagi memenuhi permintaan orang MIP untuk menentukan nasib sendiri. Autonomi berpotensi untuk mengatasi rasa tidak puas hati masyarakat MIP di kawasan Patani seperti yang berlaku di Aceh dan Mindanao. Ahmad Amir Bin Abdullah<sup>61</sup> pula dalam artikel *Melayu Patani: A Nation Survives* telah melihat sejarah Patani itu sendiri yang menjadi penyebab konflik di Patani. Dalam tulisannya, beliau membincangkan tentang sikap masyarakat MIP yang menolak integrasi politik dan

---

<sup>59</sup> Numan Hayimasae, *Haji Sulong Abdul Kadir (1895-1954): Perjuangan dan Sumbangan Beliau kepada Masyarakat Patani*. Universiti Sains Malaysia. 2002.

<sup>60</sup> Lamey, J.C., *Peace in Patani? The Prospect of Settlement in Southern Thailand*. Terbit oleh Stability: International Journal of Security and Development. [online], [Akses 19 Ogos 2013]. Boleh diperolehi melalui laman layar: [www.Stabilityjournal.org/article/view/sta.bt/98](http://www.Stabilityjournal.org/article/view/sta.bt/98). 2013.

<sup>61</sup> Ahmad Amir Bin Abdullah, *Melayu Patani: A Nation Survives*. [online], [Akses 19 Ogos 2013]. Boleh diperolehi melalui laman layar: [www.Scribd.com/doc/17762720/Melayu-Petanidoc-an-Article-for-Jurnal](http://www.Scribd.com/doc/17762720/Melayu-Petanidoc-an-Article-for-Jurnal).

budaya pembangunan yang dibawa oleh kerajaan pusat ke Patani kerana mereka merasakan hal ini sebagai satu ancaman kepada identiti dan budaya orang MIP. Imtiyaz Yusuf<sup>62</sup> dalam artikel *Faces of Islam in Southern Thailand*, telah menyentuh tentang peranan Islam dalam kehidupan masyarakat MIP dalam mempertahankan identiti dan budaya mereka dari diasimilasikan oleh Thailand.<sup>63</sup> Kajian ini turut mencari punca utama konflik Patani dari awal sehingga kini. Pada akhir kajian, beliau mendapati punca utama kepada konflik Patani adalah disebabkan oleh dasar kerajaan Thailand yang bertentangan dengan keperluan masyarakat MIP.

Manakala Jeff Upward<sup>64</sup> dalam tulisannya *Insurgency in Southern Thailand: the Cause of Conflict and the Preception of Threat* turut melihat bahawa punca utama konflik Patani adalah disebabkan oleh proses asimilasi yang berterusan ke atas masyarakat MIP oleh kerajaan Thailand. Dalam tulisannya ini, beliau meyakini bahawa konflik Patani tidak mempunyai hubung kait dengan gerakan pengganas global seperti al-Qaeda dan Jemaah Islamiah (JI). Joseph Liow<sup>65</sup> pula melalui artikelnya *International Jihad and Muslim Radicalism in Thailand? Toward and Alternative Interpretation* telah menyatakan bahawa faktor membalas dendam menjadi punca utama kepada peningkatan keganasan di Patani. Manakala dari segi aktiviti gerakan pembebasan di Patani, beliau sependapat dengan Jeff Upward bahawa gerakan pengganas global tidak pernah terlibat dalam konflik Patani seperti

---

<sup>62</sup> Yusuf I, *Faces of Islam in Southern Thailand*. [online], [Akses 2 November 2013]. Boleh diperolehi melalui laman layar: <http://www.eastwestcenter.org/fileadmin/stored/pdfs/EWCWwp007.pdf>. 2007.

<sup>63</sup> Konflik di Patani melibatkan pertembungan dua etnik yang berbeza iaitu Thai-Buddha dan Melayu-Islam di dalam pembentukan sebuah negara moden. Dasar kebangsaan Thailand yang tinggi dan pengaruh Islam yang kuat oleh Masyarakat Patani menyukarkan proses perdamaian.

<sup>64</sup> Upward, J. *Insurgency in Southern Thailand: the Cause of Conflict and the Preception of Threat*. [online], [Akses 2 November 2013]. Boleh diperolehi melalui <http://www.ballarat.edu.au/ard/bssh/school/capstone/Jeff%20Upward.pdf>. 2006.

<sup>65</sup> Liow, C.J. *International Jihad and Muslim Radicalism in Thailand? Toward and Alternative Interpretation*. Asia Policy, No.2. [online], [Akses 19 Ogos 2013]. Boleh diperolehi melalui laman layar: [http://www.nbr.org/publications/asia\\_policy/Preview/AP2\\_Thailand\\_preview.pdf](http://www.nbr.org/publications/asia_policy/Preview/AP2_Thailand_preview.pdf). 2006.



tuduhan sesetengah pihak. Ian Storey<sup>66</sup> dalam artikel *Ethnic in Southern Thailand: Kingdom Fraying at the Edge* telah menyenaraikan punca-punca konflik di Patani, antaranya adalah disebabkan oleh faktor sejarah, dasar asimilasi etnik, ekonomi, kelemahan pentadbiran dan keadaan politik yang tidak menentu. Dalam tulisannya ini beliau turut membincangkan tentang kesan konflik Patani ke atas kepentingan Amerika Syarikat di Thailand, walaupun konflik Patani tidak mempunyai kaitan dengan penganas global, seperti yang diakui sendiri oleh Amerika Syarikat. Mohd Ainuddin Askandar Lee Abdullah<sup>67</sup> pula telah membincangkan tentang cabaran gerakan pembebasan yang terdapat di Patani dan Timor Timur. Dalam artikel *Gerakan pemisah Asia Tenggara: Satu Perbandingan Cabaran di Pattani, Thailand dan Timor Timur, Indonesia*, beliau cuba untuk membandingkan faktor-faktor kebangkitan gerakan pembebasan di Patani dan Timor Timur. Selain itu, beliau juga membincangkan tentang halangan yang dihadapi oleh gerakan Pembebasan di kedua-dua tempat itu. Menurut Mohd Ainuddin Askandar Lee Abdullah, pencabulan hak-hak asasi manusia oleh pihak berkuasa ke atas kelompok minoriti di Patani dan Timor Timur yang menjadi faktor penentangan dan pemberontakan oleh golongan ini. Selain itu, beliau turut mengkritik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kerana tidak bersungguh-sungguh dalam mengatasi masalah pencabulan hak asasi manusia terutamanya jika melibatkan masyarakat Islam seperti Patani, Moro, dan Aceh berbanding pencabulan yang melibatkan Timor Timur dimana majoriti penduduk Timor Timur adalah beragama Kristian.

---

<sup>66</sup> Storey, I. *Ethnic in Southern Thailand: Kingdom Fraying at the Edge*. [online], [Akses 2 November 2013]. Boleh diperolehi melalui laman layar: <http://apcss.org/Publications/APSSS/Athnic%20Separatism%20in%20Southern%20Thailand.Storey.pdf>. 2007.

<sup>67</sup> Abdullah, Mohamad Ainuddin Iskandar Lee, *Gerakan pemisah Asia Tenggara: satu perbandingan cabaran di Pattani, Thailand dan Timor Timur, Indonesia*. Jurnal Pembangunan Sosial (4&5). pp. 213-236. ISSN 1394-6528. 2002.

Che Mohd Aziz Bin Yaacob,<sup>68</sup> dalam tesis sarjana beliau yang bertajuk *Konflik Pemisah Selatan Thailand: Isu, Aktor dan Penyelesaian* telah memberi tumpuan konflik Patani sekitar tahun 2004 hingga 2007, iaitu pada awal pergolakan di Patani yang sebelum ini dilihat sudah reda. Manakala dalam tesis Doktor Falsafah (PhD) beliau pula yang bertajuk *Transformasi Gerakan Pemisah dan Potensi Penyelesaian Konflik di Selatan Thailand*<sup>69</sup> (2013), Che Mohd Aziz Bin Yaacob telah menumpukan kajiannya kepada transformasi yang berlaku dalam GPP yang boleh menghasilkan potensi kepada penyelesaian konflik di Patani. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Khosalee Awaee, dalam tesisnya yang bertajuk *Konflik di Selatan Thailand: Satu Kajian dan Analisis Demonstrasi Takbai*<sup>70</sup> telah cuba melihat bagaimana kesan demonstrasi di Takbai ke atas masyarakat MIP dan kaedah terbaik mencari jalan penyelesaian ke atas konflik di Patani

Antara buku yang turut memperkatakan tentang konflik Patani adalah yang ditulis oleh Kamarulzaman Askandar iaitu *Peace Building in Southeast Asia: Overview, Observation, and the Way Forward*<sup>71</sup> dan *Building Sustainable Peace in Aceh, Mindanao and Southern Thailand*<sup>72</sup> yang banyak membincangkan soal pembinaan perdamaian di Asia Tenggara.

Berdasarkan tinjauan sorotan karya di atas, penyelidik mendapati bahawa belum ada lagi kajian yang memberi fokus secara spesifik kepada persepsi masyarakat MIP terhadap GPP. Ekoran daripada kelompangan ini, penyelidik akan memberi tumpuan kepada kajian ini bagi melihat persepsi MIP terhadap GPP.

---

<sup>68</sup> Che Mohd Aziz bin Yaacob, *Konflik Pemisah Di Selatan Thailand: Isu, Aktor Dan Penyelesaian*. Universiti Sains Malaysia. 2009.

<sup>69</sup> Che Mohd Aziz bin Yaacob, *Transformasi Gerakan Pemisah dan Potensi Penyelesaian Konflik di Selatan Thailand*. Universiti Sains Malaysia. 2013.

<sup>70</sup> Khosalee Awaee, *Konflik di selatan Thailand: Satu Kajian dan Analisis Demonstrasi Takbai*. Universiti Sains Malaysia, 2013.

<sup>71</sup> Kamarulzaman Askandar, *Peacebuilding in Southeast Asia: Overview, Observation, and the Way Forward*. Research and Education for Peace Unit. Universiti Sains Malaysia. 2005.

<sup>72</sup> Kamarulzaman Askandar dan Ayesah Abu bakar, *Building Peace: Reflections from Southeast Asia*. Research and Education for Peace Unit. Universiti Sains Malaysia. 2007.

#### **1.4 Pernyataan Masalah**

Melalui ruang ini, penyelidik cuba melakukan kajian tentang persepsi di kalangan masyarakat MIP terhadap GPP sejak tercetusnya kembali konflik di Patani pada tahun 2004. Oleh itu, penyelidik melakukan kajian sorotan bagi mengelakkan daripada berlaku pengulangan kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu. Penyelidikan ini melibatkan masyarakat MIP dengan GPP bagi memahami konflik Patani dengan lebih mendalam. Konflik Patani ini perlu diberi perhatian khusus dan ditangani dengan bersungguh-sungguh agar tidak menjadi suatu masalah yang serius. Oleh itu, bagi mencapai objektif kajian ini, beberapa persoalan kajian perlu dijawab di akhir penyelidikan ini.

Jika dilihat kepada konflik Patani yang sedang berlaku sekarang, terdapat banyak persoalan yang dilihat tidak jelas. Antaranya melibatkan persepsi masyarakat MIP. Oleh itu, penyelidikan ini dilakukan untuk melihat dan menilai persepsi masyarakat MIP di Patani terhadap GPP. Banyak persoalan yang timbul tentang persepsi masyarakat MIP terhadap GPP yang perlu dijawab di akhir tesis ini. Dalam tempoh konflik Patani yang berlaku pada masa kini, persepsi masyarakat MIP turut berkembang selari dengan isu-isu semasa. Peristiwa-peristiwa pembunuhan, pengeboman, penculikan, tangkapan terhadap orang awam, kekejaman dan layanan yang tidak adil dalam tempoh konflik ini berlangsung, telah mewujudkan persepsi yang pelbagai terhadap GPP. Peristiwa Tak Bai pada 24 Oktober 2004,<sup>73</sup> tragedi pembunuhan di Masjid Al-Furqan Narathiwat pada 8 Jun 2009,<sup>74</sup> dan pembunuhan pemuda di dalam masjid Kerisik pada 28 April 2004<sup>75</sup> adalah antara peristiwa yang

---

<sup>73</sup> *Conflict Thailand*. [online], [Akses pada 22 Ogos 2012]. Boleh diperolehi melalui Laman Layar; <http://www.insightonconflict.org/conflicts/thailand/conflict-profile/conflict-timeline/>

<sup>74</sup> Ibid.

<sup>75</sup> Ibid.